

30 AUG 1996

LEAD RANGKUM Tanah Runtuh

SEBANYAK 15 TERKORBAN DALAM TRAGEDI BANJIR LUMPUR, 40 MASIH HILANG

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 15 orang disahkan terkorban dan kira-kira 40 orang lagi dipercayai masih hilang dalam kejadian banjir lumpur di penempatan Orang Asli Pos Dipang, dekat Kampung Sahum, kira-kira dua kilometer dari Kampar, Perak, lewat petang semalam.

Separuh daripada mangsa yang hilang adalah kanak-kanak. Gerakan mencari dan menyelamatkan diberhentikan pada 7.45 malam ini dan akan disambung semula awal pagi esok.

Bagaimanapun para penyelamat khuatir mangsa-mangsa yang hilang itu dihanyutkan jauh dari tempat kejadian oleh arus deras Sungai Periah Sahum, yang melimpah dan menyapu 21 rumah Orang Asli dan sebuah rumah keluarga Cina.

Mayat terakhir yang ditemui malam ini ialah seorang kanak-kanak Orang Asli, Rudin a/l Balong, yang dibawa ke Hospital Kampar pukul 10 malam.

Daripada jumlah yang terkorban itu, 14 ialah Orang Asli dan seorang keturunan Cina. Empat daripada mereka ialah kanak-kanak termasuk seorang yang masih bayi, manakala yang lain terdiri daripada lima perempuan dan enam lelaki.

Mayat-mayat itu dihantar ke Hospital Kampar untuk pemeriksaan. Sebelas daripada mayat itu telah dituntut oleh keluarga masing-masing untuk dikebumikan beramai-ramai malam ini dekat Pos Dipang.

Enam orang yang selamat dalam kejadian itu dimasukkan ke Hospital Tapah. Tiga daripadanya, daripada satu keluarga bagaimanapun sudah dibenarkan keluar.

Pegawai Daerah Kinta Mohd Yusop Yahya berkata kira-kira 40 orang kebanyakannya Orang Asli, dikhuatiri masih hilang dalam kejadian kira-kira pukul 6.30 petang semalam itu ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lepas.

Sebelum itu Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib yang melawat tempat kejadian berkata sebanyak 31 Orang Asli dan enam orang keturunan Cina disahkan hilang dalam kejadian itu.

Sebanyak 289 anggota penyelamat dari Pejabat Daerah Kinta, Bomba, Polis, tentera, Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Saliran terlibat dalam operasi itu.

Sebuah pusat gerakan telah ditubuhkan di Kampung Sahum dan satu lagi di Pos Dipang yang jaraknya kira-kira 5 km.

Kejadian ini dianggap yang paling buruk selepas tragedi yang agak serupa di jalan susur ke Genting Highlands pada 30 Jun lepas. Dalam kejadian itu 22 orang terkorban manakala 23 yang lain cedera.

Mohd Yusop berkata sebanyak 800 penduduk terbabit dalam kejadian banjir lumpur itu.

Beliau memberitahu pemberita bahawa daripada 100 buah rumah di penempatan itu, sebanyak 30 musnah manakala 20 rosak.

Yusop berkata kejadian itu berpunca daripada air deras bercampur lumpur akibat hujan lebat yang turut menghanyutkan rumah-rumah.

Menurut penduduk yang terselamat dalam kejadian itu, mereka terdengar satu bunyi yang kuat sebelum banjir melanda seolah-olah empangan pecah.

Seorang mangsa yang selamat dalam tragedi itu, Rizam a/l Bah Kupang, 23, menyifatkan apa yang dialaminya itu sebagai mimpi ngeri.

Katanya beliau sedang menolak motosikalnya di hadapan rumah apabila beliau ternampak rumah jirannya dipukul arus deras.

"Saya mengarahkan kesemua orang dalam rumah saya supaya selamatkan diri," katanya dari katil Hospital Tapah.

Di KOTA KINABALU, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji punca kejadian banjir lumpur itu. Bagaimanapun, beliau menolak kemungkinan kejadian itu disebabkan kerja pembinaan di kawasan itu kerana tiada kerja-kerja pembinaan dijalankan di kawasan itu.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi bantuan kepada mangsa kejadian dan keluarga mereka.

Kampung Pos Dipang merupakan antara perkampungan orang asli yang terbesar di Perak dan mempunyai kira-kira 1,500 penduduk. Ia terletak kira-kira 200 meter dari aras laut.

Anggota Exco Kerajaan Negeri Perak Datuk Ong Ka Chuan berkata kerajaan negeri akan membantu membina semula penempatan Orang Asli yang musnah itu.

-- BERNAMA

Team NMO